

24 JUL 2000

Syed Hamid-Kerjasama

KERJASAMA ASEAN DAN 3 RAKAN DIALOG HARUS DIANGGAP POSITIF, KATA SYED HAMID

Oleh: R.Ravichandran

BANGKOK, 24 Julai (Bernama) -- Kerjasama antara Asean dan tiga rakan dialognya harus dianggap sebagai perkembangan positif bagi menangani globalisasi, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau menyangkal dakwaan bahawa Asean yang menggabungkan 10 negara anggota Asean dan tiga negara Asia Timur -- China, Jepun dan Korea Selatan -- ialah sebuah kelab eksklusif sambil berkata negara-negara berkenaan boleh menjadi rakan yang berkesan dalam proses globalisasi keseluruhan yang bergerak pantas.

Beliau berkata negara anggota Asean dan tiga rakan dialog yang mempunyai penduduk berjumlah kira-kira 1.5 bilion bukan sahaja bermakna pasaran yang besar tetapi juga pasaran untuk bersaing dalam dunia globalisasi.

Syed Hamid berkata ada pertubuhan-pertubuhan yang hanya menyokong mata wang tunggal (Euro) dan juga kesatuan politik tunggal tetapi semua ini tidak dianggap sebagai ancaman.

Beliau berkata China bersedia untuk memainkan peranan positif dalam proses globalisasi dengan membuat persediaan untuk menganggotai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sementara Jepun pula memainkan peranan positif membantu negara membangun.

Syed Hamid berkata kerjasama antara Asean dan tiga lagi negara Asia Timur akan membantu merapatkan jurang antara negara maju dan negara membangun.

"Ada Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta) dan Kesatuan Eropah (EU) dan juga mata wang tunggal tetapi masyarakat tidak menganggapnya sebagai ancaman. Tetapi apabila Asean bekerjasama, mengapa pula pihak lain harus bimbang," kata beliau.

Syed Hamid menjawab soalan mengenai kebimbangan bahawa kerjasama negara Asean dan tiga rakan dialog adalah sebuah kelab eksklusif yang mengancam, kepentingan Amerika Syarikat dan negara-negara Asia Pasifik yang lain.

Menteri Luar negara-negara Asean dan tiga rakan dialog akan bermesyuarat di sini pada Rabu.

Syed Hamid juga berkata sidang kemuncak kumpulan negara maju (G-8) di Okinawa, Jepun yang baru berakhir merupakan kejayaan bagi Malaysia kerana kumpulan itu menyahut gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya negara-negara maju mendengar suara negara Selatan.

Semasa sidang kemuncak Kumpulan Negara Membangun (G-77) di Havana, Cuba, Dr Mahathir menarik perhatian bahawa negara-negara G-8 harus mendengar suara Selatan dengan mempelawawakil mereka dan mengambil kira pandangan oleh negara-negara Selatan.

Syed Hamid berkata hasil daripada cadangan Dr Mahathir, wakil negara membangun seperti Asean, G-77, Pertubuhan Perpaduan Afrika (OAU) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) diundang ke sidang kemuncak G-8.

"Dr Mahathir ialah penggerak utama semua ini," kata beliau.

"Pada sidang kemuncak G-8 akan datang di Itali, Saya berpendapat mereka sekali lagi akan mengundang wakil negara membangun. Ini menunjukkan bahawa cadangan Malaysia sudah diterima," kata beliau.

Syed Hamid juga ditanya sama ada Asean Troika akan dilaksanakan bagi menyelesaikan insiden penculikan di Sipadan.

"Saya berpendapat insiden penculikan itu hampir berakhir," kata beliau.

Syed Hamid berkata Asean Troika akan menjadi sebuah badan ad hoc bagi menangani apa-apa masalah semasa yang memberi implikasi kepada rantau itu.

Syed Hamid berkata troika ialah berdasarkan persetujuan sebulat suara tanpa berkompromi dasar tidak campurtangan dalam hal ehwal negara-negara Asean yang lain.

Ketika ditanya sama ada Asean troika akan dilaksanakan bagi menangani masalah jerebu, Syed Hamid berkata Malaysia telahpun mempunyai mekanisme alam sekitar peringkat menteri dengan Indonesia.

Beliau berkata perbincangan dan mesyuarat diadakan dari semasa ke semasa bagi menangani masalah itu.

Ketika menjawab soalan sama ada Mesyuarat peringkat Menteri Asean akan membincangkan fahaman pelampau berikutan insiden penculikan di Sipadan dan peristiwa rompakan senjata di dua kem tentera di Gerik oleh kumpulan Al-Ma'unah, Syed Hamid berkata:

"Apa-apa bentuk keganasan melampaui sempadan boleh dibincangkan. Kita tidak harus membezakannya. Sebarang bentuk keganasan dan pencerobohan adalah isu penting," kata beliau.

Syed Hamid juga berkata negara-negara Asean sedang menggerakkan usaha bagi penubuhan sebuah mekanisme hak asasi manusia sambil berkata masa sekarang tidak memungkinkan bagi penubuhan suruhanjaya hak asasi manusia Asean.

Beliau berkata jika suruhanjaya seumpama itu hendak ditubuhkan, maka semua negara anggota Asean harus masing-masing mempunyai suruhanjaya hak asasi manusia.

Setakat ini, hanya empat negara anggota Asean -- Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina -- mempunyai suruhanjaya hak asasi manusia di negara masing-masing.

-- BERNAMA

RV AHH FAZ